

BOTAK PUTIH LEHER
Storm's Stork

FAMILI: Ciconiidae
NAMA SAINTIFIK: *Ciconia stormi*

CIRI-CIRI

Pada bahagian depan, tepi leher, badan dan atas kepala burung ini berwarna hitam, manakala warna putih terhad di bahagian leher, pipi dan belakang leher. Paruh burung ini berwarna oren terang dan terdapat bulatan mata yang berwarna kuning apabila musim mengawan. Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 75 sm-91 sm.

MAKANAN

Ia memakan ikan, amfibia, reptilia, serangga-serangga besar, ketam, siput, dan lain-lain lagi.

HABITAT

Burung ini menetap di paya air tawar, sungai, anak sungai dan kolam.

PEMBIAKAN

Spesies ini tinggal secara bersendirian atau berpasangan dan jarang sekali dalam kumpulan. Spesies ini juga gemar membunyikan paruh semasa berada di sarang. Dianggarkan sebanyak 2-3 biji telur dihasilkan oleh betina pada satu-satu masa dan musim pembiakan pula adalah di antara September hingga November.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.